
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HGM 131 – GEOGRAFI MANUSIA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Soalan No. 1 WAJIB dijawab dan TIGA soalan lain. Sekurang-kurangnya SATU soalan mesti dijawab daripada setiap Bahagian B dan C.

...2/-

Bahagian A

1. SAMA ADA

- [a] Menurut de Blij dan Murphy, (2003), '*..all geographers are interested in the way places and things are laid out, organized, and arranged on the surface of the Earth*'. Menggunakan contoh-contoh yang sesuai dalam kajian geografi manusia, huraikan pernyataan ini.

[25 markah]

ATAU

- [b] Jelaskan sumber dan format data dalam kajian geografi manusia dan huraikan kepentingan sistem maklumat geografi (GIS) dalam mengurus data tersebut.

[25 markah]

Bahagian B

2. [a] Jelaskan LIMA komponen penting dalam kajian Geografi Budaya.

[10 markah]

- [b] Landskap budaya menunjukkan teks dan tanda-tanda (*clues*) tentang turutan budaya (*cultural succession*) yang berlaku di sesuatu kawasan. Huraikan dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

[15 markah]

3. [a] Merujuk contoh-contoh tertentu, huraikan faktor-faktor penerimaan budaya global serta kesannya ke atas aktiviti penduduk dan landskap tempatan.

[15 markah]

...3/-

[b] Jelaskan usaha-usaha mempertahankan budaya tempatan serta kepentingan usaha-usaha ini.

[10 markah]

4. [a] Jelaskan maksud komuniti mapan.

[5 markah]

[b] Menggunakan contoh-contoh tertentu, huraikan LIMA petunjuk kemapanan sesebuah komuniti di sesuatu tempat.

[20 markah]

Bahagian C

5. Nyatakan elemen-elemen utama dalam teori-teori lokasi klasik (Weber, Hotelling dan Losch). Huraikan bagaimana teori lokasi klasik yang berlainan ini mengaplikasikan elemen-elemen tersebut.

[25 markah]

6. Nyatakan mengapa sesebuah negara atau masyarakat sangat prihatin terhadap *pemindahan teknologi dan jurang teknologi*. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, huraikan hubungkait di antara konsep-konsep tersebut dengan kesejahteraan masyarakat.

[25 markah]

7. Jelaskan konsep *bandar baru*. Merujuk kepada mana-mana bandar baru yang anda ketahui, kenal pasti dan bincangkan ciri-ciri utama yang membezakannya dengan bandar-bandar tradisional.

[25 markah]

8. Jelaskan jenis-jenis hubungkait manusia - alam sekitar. Bincangkan kesan-kesan negatif hubungkait melampau manusia - alam sekitar dalam sektor pelancongan tanah tinggi.

[25 markah]